Perintah berkurung di serata dunia

Banyak negara di serata dunia telah mengenakan perintah berkurung atau sekatan perjalanan dan kemasukan. Mereka juga menitikberatkan amalan jarak sosial sedang wabak Covid-19 terus menjadi keprihatinan.

AMERIKA SYARIKAT (AS)

- Sejak 2 Februari, semua warga asing yang baru berkunjung ke China dilarang masuk ke AS.
- Sejak tengah malam 13 Mac, semua warga asing dari benua Eropah dilarang masuk ke AS.
- Sejak tengah malam 16 Mac, semua orang dari Britain dan Ireland dilarang masuk ke AS.
- Restoran dan pawagam di New York dan Los Angeles diarah tutup pada 15 Mac.
- Sekolah di New York diarah tutup pada 16 Mac.

ITALY

- Pemerintah Eropah pertama mengenakan perintah berkurung sejak 9 Mac. Orang ramai dibenarkan keluar rumah hanya jika perlu.
- Sekolah dan perniagaan tidak penting ditutup.
- Taman tertutup di Milan dan Rome ditutup sejak 14 Mac.

CHINA

- Bandar Wuhan, tempat bermulanya wabak Covid-19 dikenakan perintah berkurung atau 'lockdown' pada 23 Januari. Perintah tersebut kemudian diluaskan kepada seluruh wilayah Hubei.
- Kawalan lebih ketat bagi kemasukan warga asing yang tiba di lapangan terbang Beijing. Semua yang tiba di Beijing dari luar China akan dipindahkan ke kemudahan pusat kuarantin selama 14 hari bagi pemantauan bermula 16 Mac.

ARAB SAUDI

- Semua penerbangan antarabangsa dihentikan selama dua minggu bermula 15 Mac.
- Pusat beli-belah, restoran, kedai kopi dan taman awam akan ditutup kecuali pasar raya, farmasi dan perkhidmatan penghantaran makanan.
- Umrah ke Makkah dan Madinah dibatalkan.

MALAYSIA

- Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac hingga 31 Mac.
- Semua warga Malaysia tidak dibenarkan ke luar negara.
- Semua warga asing tidak dibenarkan masuk ke Malaysia.
- Semua tempat ibadah, perniagaan diarah tutup, kecuali pasar raya dan pasar.
- Semua sekolah dan universiti ditutup.

SINGAPURA

- Sekembalinya ke Singapura, warga dan Penduduk Tetap serta pemegang pas jangka panjang yang telah ke negara Asean, Jepun, Switzerland, Britain, China, Perancis, Jerman, Italy, Iran, Korea Selatan dan Sepanyol dalam masa 14 hari lalu akan diberi Notis Jangan Keluar Rumah (SHN) selama 14 hari.
- Kawalan Asean ini tidak termasuk warga Singapura dan Malaysia yang masuk ke Singapura melalui darat atau laut.
- Semua acara berbayar yang melibatkan 250 peserta atau lebih mesti ditangguh atau dibatalkan. Penganjur acara tidak berbayar yang melibatkan 250 orang atau lebih mesti mengambil langkah berjaga-jaga tambahan seperti mengambil suhu badan.

Sumber: AGENSI BERITA, REUTERS, AFP FOTO: FAIL STRAITS TIMES, AFP, ANSA GRAFIK BERITA MINGGU